

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian Online

TARIKH : Jumaat, 29 Januari 2021



Literasi maklumat bukan sekadar salin, tampal

Oleh Dr Muhamad Saufi Che Rusuli - Januari 29, 2021 @ 2:57pm



Gambar hiasan. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 dan bencana banjir bukan sahaja menyebabkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan tugas tenaga pengajar semakin mencabar.

Ini kerana pengajar perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses ini dilaksanakan secara dalam talian.

Jika dahulu peranti telekomunikasi seperti telefon pintar dilarang dibawa ke sekolah, kini pelajar perlu mahir bukan sekadar penggunaan telefon pintar sahaja , bahkan aplikasi perlu dikuasai dalam pendidikan maya di rumah.

Justeru, ia membawa kepada persoalan apakah itu literasi maklumat? Panduan literasi media dan maklumat dikeluarkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyebut ia kemahiran digunakan untuk mencari maklumat tertentu diperlukan.

Ia turut merangkumi kebolehan mencari serta memperoleh maklumat dalam apa juga format dan menggunakan maklumat berkenaan secara aktif.

Literasi maklumat boleh dianggap sebagai kebolehan individu untuk mengakses, menilai dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber.

Menyedari hakikat ini, pelajar perlu menguasai literasi maklumat. Namun, apakah ia penting dalam menghasilkan tugasan pelajar baik dan berilmiah atau sekadar pencarian potong serta tampal untuk menyiapkan tugasan diberikan?

Perkara sebegini perlu diambil peduli tenaga pengajar kerana ia membabitkan kualiti tugasan pelajar yang suatu hari nanti akan bekerja bersama majikan.

Penguasaan literasi maklumat baik oleh pelajar sebenarnya boleh menghasilkan tugasan sangat kreatif. Pelajar perlu didedahkan dengan beberapa teknik pencarian contohnya Boolean Logic untuk mereka melakukan pencarian literasi dan rujukan silang terhadap maklumat dicari.

Penguasaan literasi mantap sangat membantu pelajar yang hanya tidak bergantung kepada pencarian semata-mata, bahkan menjadikan mereka lebih kreatif dalam pencarian maklumat.

Di samping itu, semua tenaga pengajar perlu meningkatkan ilmu pengetahuan, kompetensi, keupayaan diri dan kesiapsiagaan dalam menerima normal baharu dalam pendidikan abad ke-21 ini.

Kesiapsiagaan ini boleh dilihat perubahannya melalui aspek pengajaran, pentaksiran dan penyampaian ilmu mencabar tugasan pengajar.

Gabungan kaedah konvensional dan teknologi menjadikan tugasan dan pembentangan pelajar lebih menarik mengikut kreativiti serta kebolehan mereka menguasai teknologi.

Dahulu, pembentangan pelajar dibuat secara bersemuka, kini dilihat lebih menarik kerana diadun dengan elemen teknologi seperti YouTube, TikTok, Instagram Live dan Facebook Live.

Selain itu, tugasan individu dan berkumpulan juga mengandungi kepelbagaian sumber rujukan seperti keratan akhbar, jurnal serta buku elektronik sebagai sokongan bagi setiap kupasan maklumat bagi pelajar menguasai literasi maklumat ini.

Mungkin ada bertanya, bagaimana penguasaan kemahiran literasi maklumat boleh dilaksanakan? Pelbagai usaha dilaksanakan oleh institusi pendidikan menengah dan pengajian tinggi agar pelajar celik teknologi maklumat terutama dalam penguasaan literasi maklumat.

Contohnya, melalui strategi pengajaran meliputi kerja kursus, aktiviti kokurikulum, kerja kendiri dan melalui aktiviti kajian kes.

Kesannya, sepanjang hampir 11 bulan berada dalam pandemik COVID-19 ini, kerajaan menerusi syarikat telekomunikasi memberi pelanjutan data internet sebanyak 1 gigabyte kepada semua pelajar di negara ini yang terjejas.

Semestinya, ini memberi banyak kelegaan kepada golongan sangat bergantung pada kemudahan ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlangsung khususnya pelajar di kawasan terjejas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada kerajaan terutama Kementerian Pengajian Tinggi yang sentiasa pantas mengatasi permasalahan timbul.

Setidak-tidaknya, dengan bantuan internet ini pelajar dapat terus menguasai literasi maklumat dalam menyiapkan semua tugas diberikan tenaga pengajar di institusi masing-masing.

Jangka hayat proses PdP tidak tamat malah diteruskan walau dalam apa jua keadaan kelak. Justeru, penguasaan literasi maklumat amat penting kepada pelajar khususnya dalam menyiapkan tugasan.

Elakkan daripada mengambil ringan terhadap pilihan maklumat daripada sumber tidak pasti dikongsi. Apa mesti ditekankan ialah kreativiti pelajar dalam menguasai literasi maklumat terutama dari segi teknik pencarian maklumat menjadikan setiap tugas mereka menarik dan kreatif.

Pensyarah Kanan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan